

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 APRIL 2015

Hubungan KL-Jakarta perlu lebih meluas

BH - 24/4/2015

Tuan Mohamad Asri
Tuan Hussein

asri_hussein@mediaprima.com.my

Bandung



Hubungan Malaysia dan Indonesia sewajarnya tidak dibataskan pada peringkat kepimpinan negara atau tahap tertentu, sebaliknya perlu lebih meluas dan membabitkan pelbagai peringkat agar menjadi lebih baik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau mahu hubungan kedua-dua negara yang terjalin sejak sekian lama, mencakupi bidang lain seperti di antara Dewan Perwakilan Rakyat di Indonesia dengan Dewan Rakyat di Malaysia.

"Hubungan juga boleh dilakukan di antara ketua provinsi (wilayah) seperti Gabenor. Di Indonesia ketua provinsi memainkan peranan cukup besar.

"Justeru, perlu ada hubungan lebih mesra pada peringkat seperti ini kerana saya percaya cara ini akan mewujudkan hubungan yang lebih selesa di antara kedua-dua negara," katanya ketika berucap pada majlis makan malam bersama lebih 200 pelajar Malaysia di Indonesia di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Ahmad Shabery Cheek dan Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim.



Najib bersama Rosmah sambil diiringi Zahrain disambut pelajar Malaysia pada majlis makan malam sempena lawatan kerja dua hari ke republik itu bermula semalam. [FOTO BERNAMA]

Najib berada di sini untuk melakukan lawatan kerja dua hari serta menghadiri sambutan memperingati ulang tahun ke-60 Persidangan Asia-Afrika (AAC) di sini, hari ini.

Usah keruhkan hubungan

Perdana Menteri berkata, hubungan akrab Malaysia dan Indonesia juga tidak seharusnya dirosakkan dengan isu remeh seperti dakwaan Malaysia mencuri tarian atau budaya Indonesia.

"Bidang kebudayaan tak ada monopoli atau hak milik harta intelek, sebaliknya ia perkongsian bersama. Kelompok etnik

dari satu tempat yang melakukan penghijrahan sudah tentu akan bawa budaya asal mereka ke tempat baharu.

"Jadi tak timbul kita (Malaysia) dianggap mencuri budaya Indonesia sehingga menjadi polemik dan perbalahan hingga mencetuskan demonstrasi dan sebagainya," katanya.

Najib turut menasihatkan penuntut Malaysia di Indonesia supaya lebih bijak dalam menerima perkhabaran di media baharu dengan tidak mempercayainya 100 peratus.

"Dulu orang baca akhbar tapi kini ramai pelajar tidak baca

akhbar tetapi hanya membaca portal dan media sosial di internet. Nasihat saya, jangan percaya semua yang disampaikan di media sosial.

"Ada beritanya benar, ada yang palsu, fitnah dan separuh benar. Jadi, saya harap pelajar dapat membuat penilaian yang tepat dalam menerima sesuatu berita," katanya.

Najib turut memuji usaha menubuhkan Tabung Kebajikan Pelajar Malaysia di Indonesia (TKPMI) yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dan beliau memberi komitmen untuk membuat sumbangan kepada tabung itu.